



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CABARAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEMASA

PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES GURU BIMBINGAN DAN

KAUNSELING

NOOR HAYATULNAIM BINTI BAHARUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



CABARAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEMASA
PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES GURU BIMBINGAN DAN
KAUNSELING

NOOR HAYATULNAIM BINTI BAHARUDIN



LATIHAN ILMIAH INI BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS





PENGHARGAAN

Saya berasa sangat bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya saya dapat Kajian Penyelidikan dalam Kaunseling ini. Sepanjang saya menjalankan kajian ini, saya mendapat sokongan dan kerjasama yang tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Sepanjang proses pelaksanaan, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia kajian penyelidikan saya iaitu Profesor Dr Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip yang banyak memberi input dan tunjuk ajar yang sangat berguna berkaitan kajian ini. Selain itu, penyelia saya juga telah banyak memberi sokongan dan motivasi sepanjang saya menyiapkan kertas cadangan ini. Saya juga sangat berhutang budi dengan rakan-rakan sekelas saya yang membantu saya membuat kertas cadangan ini dengan berbincang, memberikan maklumat dan berkongsi ilmu serta kefahaman mereka untuk memudahkan saya dalam proses menyiapkan kertas cadangan ini. Oleh itu, saya berasa sangat bersyukur kerana Seth Asyraf bin Fajarudin yang banyak membantu dan memberi sokongan yang tidak putus-putus dalam menyiapkan kertas cadangan ini. Akhir sekali, saya berharap dengan adanya kajian ini, membolehkan ia dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pelajar serta Guru Bimbingan dan Kaunseling pada masa akan datang. Saya juga berharap kajian ini dapat memberi kesedaran terhadap masyarakat tentang cabaranga Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam menangani isu serta masalah yang dihadapi pada masa kini, semoga ianya dapat memberi kesedaran kepada ramai pihak bagi membantu Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan.



CABARAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEMASA PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk dilakukan bagi meneroka cabaran Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam melaksanakan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling pada pandemik *Covid-19* serta cara mengatasi cabaran tersebut. Kajian ini dilakukan ke atas Guru Bimbingan dan Kaunseling sekitar negeri Perak dan Selangor dengan menemubual separuh berstruktur kepada lima orang Guru Bimbingan dan Kaunseling dan membuat pemerhatian berkenaan tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling di negeri berkenaan yang berpengalaman lebih sepuluh tahun sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling sepenuh masa. Hasil kajian menunjukkan pelbagai jenis perkhidmatan yang dijalankan semasa pandemik *Covid-19* antaranya, program bimbingan, bantuan sumbangan, program pencegahan, program minda sihat dan lawatan cakna. Sementara cabaran yang dihadapi adalah seperti capaian internet pelajar, masalah gajet, sikap pelajar, ibu bapa yang tidak memahami serta masalah yang berkaitan dengan kemahiran dan tekanan kerja yang terlalu banyak. Oleh itu, strategi perkhidmatan telah diambil oleh peserta kajian antaranya penyediaan kemudahan asas, peningkatan kemahiran, kerjasama jaringan komuniti serta pengstrukturkan tugas. Kajian ini menyumbang kepada ibu bapa, kaunselor sekolah, pentadbir, LKM serta KPM bagi memahami cabaran yang dihadapi ini berdasarkan Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling KPM.





CHALLENGES OF GUIDANCE AND COUNSELING SERVICES DURING THE COVID-19 PANDEMIC: A CASE STUDY OF GUIDANCE AND COUNSELING TEACHERS

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the difficulties faced by guidance and counselling teachers when providing services during the Covid-19 pandemic and how to overcome such difficulties. Five guidance and counselling teachers who have more than ten years of experience working full-time as guidance and counselling teachers were interviewed in semi-structured interviews for this study on guidance and counselling teachers in the states of Perak and Selangor. Observations were also made about the responsibilities of guidance and counselling teachers in this two states. The studies findings demonstrate a range of services provided during the COVID-19 pandemic, including counselling programmes, donor support, preventative programmes, healthy mind programmes, and medical visits. Students access to the internet, technology issues, and student attitudes are among the hurdles that must be overcome. This study contributes to parents, school counsellors, administrators, Lembaga Kaunseling Malaysia (LKM) and Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) to understand the challenges faced based on KPM's Guidance and Counselling Service Management Model.



SENARAI JADUAL

Jadual 3.6.1 Protokol Temubual

Jadual 3.6.2 Nota Lapangan (Pemerhatian)

Jadual 4.1 Profile Peserta Kajian

Jadual 4.3 Analisis Dapatan Kajian Persoalan 1

Jadual 4.4 Analisis Dapatan Kajian Persoalan 2

Jadual 4.5 Analisis Dapatan Kajian Persoalan 3

SENARAI RAJAH

- Rajah 2.2.1 Model Pengurusan dan Perkhidmatan GBK,KPM
- Rajah 2.2.2 Model *American School Counsellor Association (ASCA)*
- Rajah 3.7 Rajah Trigulasi Data
- Rajah 3.8 Rajah Litchman Analisis Data

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii-iii
SENARAI JADUAL	iv
SENARAI RAJAH	v
SENARAI LAMPIRAN	vi-ix

BAB 1 – PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1-3
1.3	Pernyataan Masalah	3-5
1.4	Tujuan/Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	6-7
1.6	Kepentingan kajian	7-8
	1.6.1 Kepentingan Kepada Guru dan Pelajar	
	1.6.2 Kepentingan Kepada Pihak Sekolah	
1.7	Definisi Kajian	8-11
	1.7.1 Definisi Konsep	
	1.7.2 Definisi Operasional	

1.8	Limitasi Kajian	11-12
1.9	Rumusan	12

BAB 2 – TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Pendekatan Teori	13-18

2.2.2 Model Pekhidmatan dan Pengurusan
GBK

2.2.3 Model Kebangsaan ASCA

2.3	Kajian Literatur	18-24
-----	------------------	-------

2.3.1 Jenis-jenis perkhidmatan Bimbingan

dan Kaunseling yang dijalankan oleh Guru

Bimbingan dan Kaunseling semasa

pandemik *Covid-19*.

2.3.2 Masalah-masalah pengendalian

perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

semasa pandemik *Covid-19* dalam kalangan

Guru Bimbingan dan Kaunseling.

2.3.3 Strategi menangani yang dilaksanakan

oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling

dalam melaksanakan tugas semasa

pandemik *Covid-19*.

2.4	Rumusan	24
-----	---------	----

BAB 3 - METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25-27
	3.2.1 Etika Kajian Kualitatif	
3.3	Lokasi Kajian	28
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	28-29
	3.4.1 Populasi Kajian	
	3.4.2 Sampel Kajian	
3.5	Instrumen Kajian	29
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	30-32
	3.6.1 Protokol Temu Bual	
	3.6.2 Pemerhatian	
	3.6.3 Analisis Dokumen	
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	32
3.8	Analisis Data	33-35
3.9	Rumusan	35

BAB 4 – DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	36
-----	-------------	----

4.2	Profil Peserta kajian	37-40
4.3	Dapatan persoalan kajian 1	41-53
4.4	Dapatan persoalan kajian 2	53-66
4.5	Dapatan persoalan kajian 3	66-74
4.6	Ringkasan kajian	76
4.7	Rumusan	76-77

BAB 5 – PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahiluan	78
5.2	Ringkasan kajian	78-80
5.3	Perbincangan	80-83
5.4	Implikasi kajian	84-87
5.5	Masalah dalam menjalankan kajian	88-89
5.6	Sumbangan kajin	89-90
5.7	Saranan penyelidikan akan datang	90-91
5.9	Rumusan	91

RUJUKAN	92– 97
---------	--------

LAMPIRAN	98 - 126
----------	----------



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan serba sedikit berkenaan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan limitasi yang dihadapi semasa menjalankan kajian. Selain itu, bagi memberi gambaran secara umum, pengkaji juga turut membincangkan berkenaan definisi konsep dan operasional. Huraian bab ini merupakan gambaran secara umum mengenai tajuk kajian yang dijalankan iaitu Cabaran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Semasa Pandemik *Covid-19*: Kajian Kes Guru Bimbingan dan Kaunseling.



pemerhatian terhadap fenomenologi alam pada masa kini. Oleh itu, pengkaji turut mengesan dan membincangkan berkenaan cabaran yang dihadapi oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling pada masa kini. Bagi membuat kajian dengan terperinci tujuan kajian dibina dan dikhususkan melalui objektif kajian yang telah dibina. Kengkangan serta limitasi kajian juga merupakan sebuah cabaran yang dihadapi oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini.

1.2 Latar belakang kajian

Sektor pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sesebuah negara. Bagi sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia, aspek





pembangunan sumber manusia sangat dititik beratkan untuk melahirkan modal insan yang holistik dari pelbagai bidang dan kemahiran serta turut terjaga dari aspek kesihatan mental dan psikologi. Peranan institusi pendidikan juga sangat penting bagi membantu usaha kerajaan dalam melahirkan modal insan tersebut. Oleh itu, peranan guru sangat penting dalam objektif tersebut termasuklah guru Bimbingan dan Kaunseling di setiap sekolah.

Namun, hampir seluruh negara digempakan dengan fenomena alam yang sangat bahaya iaitu penyebaran wabak *Coronavirus* atau *Covid-19*. Disebabkan oleh perkara ini, pelbagai sektor terjejas teruk termasuklah penutupan sepenuhnya sekolah semasa pandemik *Covid-19*. Pelbagai masalah dan cabaran yang timbul dalam kalangan warga sekolah iaitu barisan pentadbir, guru-guru serta murid-murid sekolah. Penutupan sekolah turut menjadi kerisauan kepada ibubapa, murid serta guru yang mengajar kerana tidak dapat menjalankan sesi pembelajaran secara bersemuka. Kehidupan norma baru telah mengubah 360 darjah kehidupan setiap individu di negara ini.

Setelah pembelajaran secara dalam talian dijalankan, terdapat pelbagai masalah yang timbul antaranya masalah yang sering dihadapi dari ketidakstabilan emosi seperti kembimbangan, kemurungan dan tekanan (Shima Junn Willie dan Abu Yazid Abu Bakar, 2019). Sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling, masalah-masalah yang berkaitan dengan kesejahteraan mental murid ini telah menjadi keutamaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Namun, dengan sesi





pembelajaran secara dalam talian berlaku, Guru Bimbingan dan Kaunseling mendapat kesukaran untuk mengesan murid yang mempunyai masalah berkenaan.

Menurut Kartini Kamaruzzaman (2020), penggunaan rangkaian media sosial untuk menyampaikan dan mendapatkan mesej berkaitan *coronavirus* merupakan satu kaedah komunikasi penting dalam era digital. Namun, kemudahan seperti peranti, capaian internet menyebabkan kesukaran untuk berkomunikasi dengan jarak yang jauh pada masa kini. Oleh itu, penting bagi murid pada masa kini untuk memiliki gajet dan capaian internet yang baik. Hal ini juga turut membimbangkan para guru kerana tidak semua mempunyai capaian internet dan kemudahan gajet kerana ramai murid merupakan belatar belakang yang berbeza.



Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang dikendalikan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah turut mengalami pelbagai cabaran dan masalah untuk memastikan murid-murid di sekolah dapat menyesuaikan diri dan mengurus mental, emosi serta tingkah laku dengan baik. Perkhidmatan dengan jarak yang jauh sangat mencabar bagi sekolah Guru Bimbingan dan Kaunseling bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan berkesan terhadap murid tersebut.

1.3 Pernyataan masalah

Menurut Wong Yi Sze et. al (2022), tekanan guru pada tahap yang paling tinggi bagi cabaran guru ialah murid. Hasil ini persis apa yang dikatakan oleh Pensyarah Kanan





Bimbingan dan Kaunseling Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia, Dr Syed Mohammad, pandemik *Covid-19* menyaksikan ramai terkesan dengan perubahan itu dan terpaksa melalui kesukaran dalam proses penyesuaian sepanjang pandemik itu (Balkish Awang, 2021). Hal ini menunjukkan terdapat ramai yang terkesan semasa mengalami pandemik *Covid-19* termasuklah para guru dan murid. Oleh itu, pengkaji perlu melihat terhadap kemungkinan masalah yang berlaku dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling semasa pandemik *Covid-19*.

Pandemik *Covid-19* menyebabkan pelbagai sektor terpaksa dihentikan, malah sektor pendidikan perlu diteruskan mengikut norma baharu. Menurut Norwazwin Yahya et. al 2020, tahap kesejahteraan psikologi guru-guru dengan keperluan perkhidmatan kaunseling guru-guru di KPM adalah signifikan. KPM juga telah mengambil langkah inisiatif bagi memastikan kesejahteraan psikologi guru-guru dalam menyumbang kepada pembangunan modal insan. Penggunaan teknologi dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling dan psikologi memberikan kesan yang positif dan boleh membantu memudahkan kaunselor menjalankan perkhidmatan kaunseling (Siti Suraiyah et. al 2020). Namun, tidak semua sekolah, murid dan guru dapat menyediakan peranti dan capaian internet yang baik untuk menjalankan proses Bimbingan dan Kaunseling di *seting* sekolah.

Bagi murid yang bakal berhadapan dengan peperiksaan besar seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan murid yang bakal naik ke tingkatan empat menjadi masalah apabila bantuan pemilihan kerjaya dan melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tidak dapat dibantu sepenuhnya oleh Guru Bimbingan dan





Kaunseling. Menurut Amira et. al 2019, sikap pelajar sekolah menengah luar bandar terhadap kerjaya STEM adalah berada di tahap sederhana. Hal ini jelas menunjukkan, cabaran kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam memberi pendedahan kepada murid-murid di sekolah mengenai pelbagai kerjaya yang mereka boleh ceburi. Oleh itu, pengkaji perlu melihat bagaimana strategi bagi menangani masalah yang dihadapi tersebut bagi membantu murid semasa pandemik *Covid-19*.

Terdapat tiga cabaran utama yang dihadapi pelajar iaitu internet terlalu perlahan, gangguan kerja, hal rumah dan tiada gajet sendiri, Hamidon dan Nafisah (2021). Hal ini menunjukkan, terdapat gangguan dan kengkangan kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk menjalankan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling semasa pandemik *Covid-19*. Oleh itu, perkara yang perlu dikaji adalah punca dan cara mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh murid tersebut kerana ianya turut mengganggu perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Pengkaji juga perlu mencari punca-punca berlakunya masalah berkenaan seterusnya mengkaji cara atau strategi bagi mengatasi masalah tersebut.

Berdasarkan hasil pembacaan pengkaji, terdapat banyak cabaran pengendalian dan pengurusan guru matapelajaran di sekolah semasa pandemik *Covid-19*. Selain itu, terdapat juga isu berkenaan pengurusan kesejahteraan mental dalam kalangan masyarakat tidak kira peringkat usia. Oleh itu, masih belum ada kajian yang mengkaji berkaitan isu cabaran guru Bimbingan dan Kaunseling dalam mengendalikan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling semasa pandemik *Covid-19* terutama dalam pengurusan kesejahteraan mental dalam kalangan warga sekolah.



1.4 Objektif kajian

Secara umumnya, tujuan kajian ini dilakukan bagi meneroka cabaran Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam melaksanakan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling pada pandemik *Covid-19* serta cara mengatasi cabaran tersebut. Namun, secara khususnya kajian ini adalah:

1.4.1 Mengenal pasti jenis perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling semasa pandemik *Covid-19*.

1.4.2 Meneroka masalah pengendalian perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling semasa pandemik *Covid-19* dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling.

1.4.3 Mengenal pasti strategi menangani yang dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam melaksanakan tugas semasa pandemik *Covid-19*.

1.5 Persoalan kajian

Menurut Norziah Othman (2017), bahagian ini mengandungi soalan yang hendak dijawab dalam kajian. Persoalan kajian juga harus dibina berasaskan objektif kajian dalam perlu mempunyai kaitan dengan pernyataan masalah.

1.5.1 Apakah jenis-jenis perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling semasa pandemik *Covid-19*?

1.5.2 Apakah masalah sepanjang pengendalian perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling semasa pandemik *Covid-19*?

1.5.3 Bagaimana strategi menangani yang dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam melaksanakan tugas semasa pandemik *Covid-19*?

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini diharapkan dapat mengurangkan masalah dan beban cabaran yang dihadapi oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia. Hasil kajian ini juga akan memberikan gambaran strategi menangani cabaran tersebut terutama dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu lebih ramai Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam mengambil langkah-langkah yang perlu dalam meningkatkan kecekapan menghadapi cabaran sepanjang menjalankan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling terutama semasa negara dilanda wabak.

1.6.1 Kepada guru dan pelajar

Memberi kesedaran kepada para Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam menangani cabaran pengendalian perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling pada era pandemik *Covid-19*. Memandangkan wabak yang melanda ini tidak dapat dijangka, sekiranya Guru Bimbingan dan Kaunseling dapat mengesan dan mengendalikan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dengan baik, maka murid-murid di sekolah juga turut dapat dibantu dengan baik.



1.6.2 Kepada pihak sekolah

Menyedarkan pihak sekolah terhadap cabaran yang dihadapi dalam pengendalian perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling semasa pandemik *Covid-19*. Pihak sekolah harus turut berasa bertanggungjawab di atas masalah yang dihadapi oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk menyediakan platform yang sesuai dalam pengendalian perkhidmatan semasa pandemik.

1.7 Definisi kajian

1.7.1 Definisi konseptualisasi



Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:232), cabaran didefinisikan sebagai hasil mencabar (mempersoalkan, mempertikaikan) ajakan (untuk berlawan dan sebagainya) sesuatu (unsur, faktor dan sebagainya) yang mencabar (menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi dan lain-lain). Oleh itu, mencabar membawa maksud sesuatu keadaan atau hal yang menguji kemampuan, kekuatan dan ketabahan seseorang yang ada kaitan dengan sesebuah organisasi.

Akta Kaunselor 1998 mendefinisikan kaunseling sebagai proses yang sistematik untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip dan asas psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajian dan penyesuaian yang holistik dan sukarela kepada klien supaya perubahan dapat dikekalkan. Menurut James (1992) pula Bimbingan dan





Kaunseling sebagai suatu proses pembelajaran yang lebih menekankan kepada proses membantu individu untuk mencapai kehendaknya, membimbing dan menilai kompetensi yang ada pada diri individu tersebut.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), *Coronavirus* (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah *Coronavirus 2019* (COVID-19). Jangkitan Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk.



Menurut Schramm (1971), mendefinisikan kajian kes “*The essence of a case study, the central tendency among all types of case study, is that it tries to illuminate a decision or set of decisions: why they taken, how they were implemented, and with what result*”. Oleh itu, kajian kes membantu penyelidik bagi mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan sesuatu perkara yang berlaku dan punca berlakunya sesuatu tindakan. Kajian kes juga merupakan kajian-kajian lain dan mempunyai kaedah-kaedah tertentu dalam mendapatkan maklumat maklumat dan menganalisis data.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Guru Kaunseling merupakan gelaran di sekolah menengah manakala Guru Bimbingan merupakan gelaran di sekolah rendah, gelaran yang diberikan kepada guru yang memberikan perkhidmatan secara sepenuh masa dalam bimbingan dan kaunseling





sekolah. Namun begitu, bagi mengelakkan kekeliruan, panggilan khusus untuk mereka telah ditukar kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa.

1.7.2 Definisi operasional

Tanggungjawaban dan tugas sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling sangat mencabar terutama melibatkan emosi, kognitif dan tingkahlaku manusia. Oleh itu, terdapat beberapa jenis perkhidmatan yang disediakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam menjalankan tugas terutama semasa di sekolah. Terdapat dua puluh senarai tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling sepenuh masa, antaranya ada menjalankan sesi bimbingan dan kaunseling, program berfokus serta aktiviti-aktiviti konsultasi yang sering dijalankan di sekolah.



Masalah pengendalian tidak asing dalam pengendalian perkhidmatan tersebut. Namun masalah-masalah yang dihadapi menjadi lebih sukar semasa negara mengalami masalah *Covid-19*. Kengkangan demi kengkangan dalam mendapatkan maklumat tentang masalah murid sekolah serta menyampaikan maklumat yang jelas menjadi masalah utama dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah pada masa kini. Oleh itu, Lembaga Kaunseling Malaysia (LKM) telah mengeluarkan garis panduan perkhidmatan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Strategi menangani merupakan langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani sesuatu masalah. Oleh itu, langkah-langkah yang sesuai kemungkinan



boleh diambil bagi membantu Guru Bimbingan dan Kaunseling yang lain dalam menangani masalah. Strategi menangani perlu sentiasa dikemaskini supaya dapat mengikut situasi semasa yang sedang dihadapi. Namun, dalam membantu Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan ini adalah amat sukar terutama dalam mencari strategi menangani masalah tersebut.

1.8 Limitasi kajian

Dalam usaha menyempurnakan kajian penyelidikan ini, pengkaji menhadapi beberapa kesukaran dan kenkangan. Pertama, kajian ini hanya dijalankan dalam bentuk kualitatif sahaja. Oleh sebab itu, amat sukar bagi mengesan strategi menangani cabaran yang dihadapi oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling tersebut. Hal ini kerana, sekiranya kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif atau silang metod, pengkaji mungkin mampu mendapatkan lebih ramai responden dan menganalisis data dengan lebih terperinci. Kekurangan ini menyebabkan pengkaji banyak bergantung dengan hasil temu bual bersama responden, pemerhatian serta menganalisis dokumen perkhidmatan Guru Bimbingan dan Kaunseling tersebut.

Pengkaji turut berhadapan dengan masalah kajian yang melihat kepada era pandemik *Covid-19*. Memandangkan kajian ini dijalankan dalam era pandemik *Covid-19*, penyelidik sangat terdedah dengan virus yang berbahaya tersebut. Bukan itu sahaja, sehingga kini terdapat pelbagai jenis virus *Covid-19* yang dapat dikesan sebagai virus yang berbahaya dan lebih mengganas. Oleh itu, menjadi satu cabaran



atau limitasi kepada pengkaji untuk turun ke lapangan bagi menjalankan temu bual serta pemerhatian.

Kajian ini juga hanya dijalankan di daerah Muallim, Perak sahaja. Oleh itu, kemungkinan cabaran yang dihadapi oleh responden di kawasan ini tidak sama dengan cabaran yang dihadapi di kawasan lain atau negeri lain. Strategi menangani juga dapat dikesan dengan pelbagai langkah sekiranya dijalankan di negeri atau diseluruh Malaysia. Justeru, pengkaji mempunyai kekangan dari segi masa untuk menyiapkan kajian di pelbagai daerah dan negeri lain.

1.9 Rumusan



Bagi menghasilkan kajian yang terbaik, pengkaji perlu mengenalpasti masalah yang terdapat serta sesuai untuk dikaji. Selain itu, pengkaji juga perlu memahami isu yang ingin dikaji serta mengesan kemungkinan kekangan yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian ini supaya dapat mengambil langkah-langkah yang seterusnya bagi penghasilan kajian yang terbaik. Oleh itu mukadimah dalam penyelidikan sangat penting bagi petunjuk arah dalam penghasilan kajian.

